

BAB 1

PENGENALAN

1.1 APA ITU C.T.D. ?

C.T.D. merupakan nama singkatan bagi "**Cumulative Trauma Disorder**" yang mana setiap patah perkataan mempunyai maksudnya yang tersendiri

- Cumulative** : sesuatu yang berkembang secara berterusan
- Trauma** : kecederaan pada anggota badan disebabkan oleh pergerakan fizikal
- Disorder** : masalah yang mengganggu proses tubuh yang normal

Sekiranya ketiga – tiga patah perkataan tersebut digabungkan, C.T.D akan membawa maksud,

" Kecederaan pada anggota badan yang disebabkan oleh pergerakan fizikal yang mana akan mengganggu proses tubuh yang normal dan akan terus berkembang secara berterusan dan berperingkat – peringkat".

1.2 DEFINISI

C.T.D. bolehlah digambarkan sebagai kecederaan pada bahagian sambungan tisu dan persekitarannya akibat dikenakan beban kerja yang berlebihan.

Harus diingat disini bahawa C.T.D. tidak boleh dikaitkan dengan kecederaan yang berlaku secara mengejut ataupun serta – merta, umpamanya seperti kecederaan yang disebabkan oleh terjatuh, terkehel dan sebagainya. Ia sebenarnya merupakan sejenis kecederaan yang memakan masa yang panjang untuk berlaku akibat dikenakan beban secara berlebihan terutamanya yang melibatkan kerja – kerja yang berat.

Pekerja di sektor industri berat adalah golongan yang lebih terdedah terhadap C.T.D. sebenarnya. Begitu juga dengan ahli – ahli sukan. Tapi jangan kita menjangka dengan melakukan kerja – kerja yang ringan, kita akan terlepas daripada mengalami C.T.D.

Semua orang adalah berpotensi untuk mengalami C.T.D. walaupun kerja yang dilakukannya hanyalah menaip. Pasti ramai yang akan terkejut sekiranya diberitahu hal ini. Menaip biasanya dianggap sebagai amalan yang langsung tidak mengundang bahaya dan kesan yang memudaratkan kepada penaip.

C.T.D. tidak menyebabkan seseorang yang mengalaminya merasakan kesannya dengan serta – merta. Selalunya kewujudan C.T.D. dalam tubuh tidak akan disedari kerana tanda – tanda awal C.T.D melibatkan rasa kesakitan yang biasa seperti sengal – sengal, kebas dan salah urat yang biasanya dianggap sebagai rasa kesakitan yang remeh yang kebiasaannya menyerang pada waktu malam. Kesakitan ini kebiasaannya akan hilang pada keesokan harinya dan tiada tindakan susulan seperti berjumpa doktor pakar akan diambil .

Dari sinilah C.T.D. ini akan berkembang secara sedikit demi sedikit tanpa disedari sehinggakan pada satu tahap yang kronik ia akan menyebabkan seseorang yang mengalaminya tidak mampu untuk melakukan sebarang kerja walau kerja yang senang sekalipun.

KANDUNGAN

AKUAN PENYERAHAN

I

PENGHARGAAN

II

TAJUK

III

PRAKATA

IV - V

BAB	TAJUK	m/s
1	PENGENALAN	1 – 3
2	FAKTOR – FAKTOR	4 – 10
3	SIMPTOM – SIMPTOM	11
4	JENIS – JENIS C.T.D	11 – 23
5	RAWATAN	24 – 25
6	ANALISIS STATISTIK	26 – 61
7	PENCEGAHAN	62 – 79
8	PERBINCANGAN	80 – 87
9	KESIMPULAN	88

LAMPIRAN

RUJUKAN